

# Kuasa beli rakyat terus terhakis

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUALA LUMPUR 5 APRIL**

**K**ERAJAAN masih lagi tidak menangani isu fundamental ekonomi iaitu mereformasi sistem monetari negara meskipun berjaya menurunkan kadar hutang negara.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, penurunan kadar hutang itu belum tentu akan sepenuhnya menangani kos sara hidup dan kuasa beli rakyat kerana kerajaan masih lagi tidak menangani isu fundamental tersebut.



**AHMED RAZMAN**

“Antara reformasi monetari yang perlu dilakukan ialah mengawal lambakan kredit yang disebabkan aktiviti pemberian pinjaman oleh bank komersial dan menambat mata wang kepada komoditi supaya ia tidak mudah terjejas spekulasi dan hiperinflasi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmed Razman berkata, ekonomi negara hanya akan pulih jika reformasi monetari yang disebut itu dilaksanakan.

“Jika ia tidak dilaksanakan, kos sara hidup meningkat dan kuasa membeli rakyat terhakis.

“Kadar hutang negara semakin turun tidak bermakna ekonomi negara pulih tetapi sebagai tanda kerajaan berjaya

“Antara reformasi monetari yang perlu dilakukan mengawal lambakan kredit yang disebabkan aktiviti pemberian pinjaman oleh bank komersial dan menambat mata wang kepada komoditi.”

**AHMED RAZMAN  
ABDUL LATIFF**

mengurangkan risiko keberhutangan yang tinggi.

“Risiko keberhutangan tinggi boleh menjadi serius jika krisis kewangan global berlaku pada masa akan datang,” katanya.